

NAMA : TINGKATAN :



☛ Cara Merangka Jawapan KBAT



Langkah 1
Kenal pasti kehendak soalan sama ada:
1. Sebab atau faktor berlaku
2. Kesan atau akibat
3. Perkara yang akan berlaku
4. Tindakan atau langkah anda

Perhatikan gambar. Pada pendapat anda, mengapakah ramai umat Islam masih melanggar larangan di atas?

1 Cetusan Idea Utama (Isi)
Ramai umat Islam masih merokok di kawasan masjid kerana:
Sikap umat Islam yang tidak berdisiplin dan mengambil mudah

Langkah 2
Manfaatkan peta i-Think untuk mencambah idea.

2 Huraian
(supaya/ agar/ untuk/ kerana) kerana tiada penguatkuasaan undang-undang yang tegas oleh pihak berkuasa.

3 Huraian Lanjutan
(sebab/ akibat dan kesan/ contoh/hujah sokongan/ peribahasa) akibatnya, ada yang tetap merokok walaupun terdapat papan tanda yang memaparkan larangan perbuatan tersebut.

1 Kesimpulan
(Justeru, kesimpulannya - cadangan/harapan) Oleh itu, umat Islam hendaklah menghormati masjid dan undang-undang negara agar menjadi contoh umat yang terbaik.

Langkah 3
Tulis semula kesemua isi, huraian, huraian lengkap dan kesimpulan dalam satu perenggan

Jawapan Lengkap

Sikap umat Islam yang tidak berdisiplin dan mengambil mudah (1m) kerana tiada penguatkuasaan undang-undang yang tegas oleh pihak berkuasa (1m). Akibatnya, ada yang tetap merokok walaupun terdapat papan tanda yang memaparkan larangan perbuatan tersebut. (1m) Oleh itu, umat Islam hendaklah menghormati masjid dan undang-undang negara agar menjadi contoh umat yang terbaik.

BIDANG AKHLAK ISLAMIAH

Malu untuk terus berada dalam kejahilan adalah sifat malu yang terpuji.

- 16 Berikan pendapat anda untuk menyokong pernyataan ini. **KBAT** Menilai

[4 markah]

...وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ جَارَهُ...

Maksud hadis: *Barangsiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia menghormati jirannya.*

- 17 Bagaimanakah anda dapat memenuhi tuntutan hadis di atas? Huraikan. **KBAT** Mengaplikasi

[4 markah]

Hashim dan Lutfi berbual-bual dengan suara yang nyaring di dalam masjid sehingga mengganggu jemaah lain yang sedang beribadah.

- 18 Sebagai seorang rakan, huraikan bagaimana tindakan anda terhadap situasi di atas. **KBAT** Mengaplikasi

[4 markah]

FOKUS KBAT

Setiap jawapan KBAT mestilah merangkumi:

- Isi (1 markah)
- Huraian (1 markah)
- Huraian Lengkap (1 markah)
- Kesimpulan (1 markah)